



SIARAN AKHBAR

**JERAYAWARA KESEDARAN KEWANGAN
BERSEMPENA DENGAN HARI MENABUNG KEBANGSAAN 2019
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

HARI ISNIN, 25 ZULKAEDAH 1440H BERSAMAAN DENGAN 29 JULAI 2019M

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE), Kementerian Pendidikan (MOE), *Junior Achievement* (JA) Brunei dan beberapa institusi-institusi kewangan, telah mengadakan Jerayawara Kesedaran Kewangan bersempena Hari Menabung Kebangsaan 2019 di Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA) pada hari Isnin, 25 Zulkaedah 1440H bersamaan dengan 29 Julai 2019M.
2. Hadir selaku Tetamu-tetamu Kehormat ialah Yang Berhormat Haji Abdul Hamid @ Haji Sabli bin Haji Arshad, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, dan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, Penghulu Berakas 'B'. Turut hadir ke acara tersebut juga ialah pegawai-pegawai kanan daripada AMBD, MOFE dan MOE.
3. Jerayawara Kesedaran Kewangan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai dengan kepentingan menabung di kalangan belia. Ini merupakan salah satu inisiatif AMBD untuk membangun generasi yang celik kewangan, yang juga selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035 untuk mencapai ekonomi yang dinamik dan mampan serta rakyat dan penduduk yang berkemahiran tinggi.
4. Jerayawara yang pertama sempena Hari Menabung Kebangsaan telah diadakan pada tahun 2016 bagi pelajar-pelajar sekolah rendah, dan kemudiannya telah dilaratkan kepada pelajar-pelajar sekolah menengah pada tahun 2017 dan seterusnya bagi pelajar-pelajar tingkatan enam dan institusi-institusi pengajian tinggi pada tahun 2018. Pada tahun ini pula, Jerayawara Kesedaran Kewangan ditumpukan kepada penuntut-penuntut universiti dan institusi pendidikan tinggi untuk melengkapkan para pelajar dengan kemahiran dalam mengurus kewangan mereka dan seterusnya memupuk gaya hidup kewangan yang sihat.
5. Jerayawara Kesedaran Kewangan tersebut telah dihadiri seramai lebih 150 pelajar daripada Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB). Para pelajar telah berpeluang untuk ikut serta di dalam aktiviti-aktiviti interaktif yang bertemakan pengurusan kewangan. Aktiviti-aktiviti tersebut telah dianjurkan bersama oleh pihak AMBD, Jabatan Perancangan dan Pembangunan Ekonomi (JPKE), Tabung Amanah Pekerja (TAP), Pusat Perbankan Islam, Kewangan dan Pengurusan (CIBFM), Persatuan Perancang Kewangan (FPAB), *Junior Achievement* (JA) Brunei serta institusi-institusi kewangan yang ikut serta.
6. Jerayawara Kesedaran Kewangan yang seterusnya akan diadakan di Laksamana College of Business (LCB) pada 30 Julai 2019; Kolej International Graduates Studies (KIGS) pada 31 Julai 2019; Universiti Teknologi Brunei (UTB) pada 1 Ogos 2019; dan Universiti Brunei Darussalam pada 5 Ogos 2019.

7. Acara kemuncak bagi Hari Menabung Kebangsaan 2019 ialah *Financial Fun Fair* yang akan diadakan pada hari Sabtu, 17 Ogos 2019 dan Ahad, 18 Ogos 2019 di Jerudong Park Colonnade. Acara ini akan menampilkan pelbagai program dan aktiviti yang menarik untuk seisi keluarga termasuk persembahan khas daripada Pasukan Pancaragam Polis Diraja Brunei, *Financial Race* dan *Eco-Tech Financial Costume Competition*.
8. Untuk maklumat lanjut mengenai Hari Menabung Kebangsaan 2019, sila layari laman web AMBD di www.ambd.gov.bn; atau muat turun aplikasi mudah alih AMBD melalui 'App Store' atau 'Google PlayStore'; atau ikuti akaun Instagram AMBD di @autoriti_monetari.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Date: 25 Zulkaedah 1440H/ 29 Julai 2019M

Ref: AMBD/COMMS/3